

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

## Kelab Lions kurnia pingat kepada Dr M

**KUALA LUMPUR, Jumaat** — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dianugerah pingat "Ketua Negara" oleh Persatuan Kelab-kelab Lions Antarabangsa, sebagai menghargai perkhidmatan cemerlangnya dalam bidang kemanusiaan.

Pingat itu disampaikan oleh presiden persatuan, Encik Everett J. Grindstaff sewaktu mereka berunding selama 30 minit.

Katanya, "Datuk Seri Dr Mahathir dianugerah pingat itu kerana penglibatannya dalam usaha pencegahan kegiatan dadah di negara ini."

Encik Grindstaff, yang mengakhiri lawatan tiga hari ke negara ini hari berkata, Dr Mahathir adalah pemimpin ketiga di dunia yang menerima anugerah itu pada tahun ini.

### Sumbangan

Dua orang pemimpin lagi ialah Presiden Ronald Reagan dari Amerika Syarikat dan Presiden Zia-Ul Haq dari Pakistan.

Apabila ditanya tentang rundingannya dengan Perdana Menteri, Encik Grindstaff berkata, ia berkisar pada soal ancaman dadah.

Bellau tertarik hati dengan usaha yang sedang dijalankan oleh kerajaan Malaysia untuk menghapuskan ancaman tersebut.

Encik Grindstaff juga memuji usaha yang dijalankan oleh Kelab Lions di Malaysia untuk mendidik orang ramai dalam usaha pencegahan dadah dan beliau memberi jaminan badan dunia itu untuk memberi pertolongan ke arah itu.

Katanya, pertunjukan filem, peraduan syarahan di kalangan kaum bella dan pameran dapat memberi sumbangan ke arah pencegahan kegiatan dadah.

Bellau dipilih menjadi Presiden Persatuan Kelab-kelab Lions Antarabangsa dalam konvensyen ke-65 yang berlangsung di Atlanta, Amerika Syarikat dalam Jun 1982.

Persatuan itu mewakili 1.35 juta orang anggota dari 153 buah negara. — Bernama.